

Melayu belum

UM 2 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR 20 Jun - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan akan bahaya kedudukan bangsa Melayu yang belum selamat memandangkan orang Melayu masih malas, tidak bersatu padu dan tidak berpegang kuat kepada nilai-nilai mulia.

Selain malas, Perdana Menteri mengancam secara terbuka sikap orang Melayu yang masih suka mengambil jalan mudah dan cepat tanpa mengira apa akibatnya di samping tidak sabar.

Sebagai tuntutan mendesak dan mencari jalan keluar berkesan, Dr. Mahathir menyeru orang Melayu kembali ke jalan yang benar antaranya berpegang kepada ajaran Islam sebenar, bersatu padu dan memelihara institusi keluarga.

Ini, kata beliau, memandangkan orang Melayu yang juga orang Islam teramai di Malaysia belum selamat kerana orang Melayu masih menjadi kaum yang lemah dan yang termiskin meskipun sudah banyak kemajuan di Malaysia.

Malah katanya, jangan fikir selepas UMNO, Pas akan memerintah kerana dalam politik, yang tidak dijangka boleh berlaku.

"Orang Melayu jelas belum selamat. Janganlah ingat kuasa orang Melayu dalam arena politik akan kekal selama-lamanya, akan menjamin keselamatan orang Melayu sampai bila-bila.

"Orang Melayu belum selamat. Tetapi kita boleh menjadi selamat, kita boleh menebus sepenuhnya maruah kita, bangsa kita, jika kita sedar akan bahaya yang kita hadapi sekarang dan kita membuat persiapan untuk mengatasinya," tegas beliau.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan dasar pada perasmian Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Majlis perasmian itu yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara dihadiri oleh 2,033 perwakilan, para pemimpin komponen Barisan Nasional (BN), ahli-ahli kelab UMNO luar negara, para pemimpin organisasi politik negara asing dan para pemerhati.

Dalam ucapan selama dua jam yang bertajuk *Mendedah Yang Terbuka*, Presiden UMNO itu mengupas permasalahan dunia termasuk kesan peristiwa 11 September, ancaman globalisasi, masalah umat Islam, kesan perpecahan keluarga, perpecahan Melayu dan kelemahan budaya Melayu.

Berbanding ucapan tahun lalu yang bertemakan *Melayu Mudah Lupa*, ucapannya kali ini menurut Dr. Mahathir hanya mendedahkan kepincangan dan permasalahan yang telah diketahui tetapi belum menemui penyelesaiannya disebabkan tiada perubahan sikap.

Dr. Mahathir beberapa kali meminta maaf kerana membuat teguran yang dianggapnya keras terhadap bangsa Melayu tetapi merasakan itu cara lebih senang menyatakan perasaannya yang sayangkan bangsa.

■ Lihat muka 12

selamat - PM

UM 2 1 JUN 2002 Melayu belum selamat — PM

Malah beliau sebak apabila menyatakan bahawa: "Sayang sejak saya faham saya adalah daripada bangsa yang terhina, bangsa yang dijajah, bangsa yang tidak mempunyai maruah, bangsa yang berasa dirinya begitu rendah berbanding dengan bangsa-bangsa lain, kaum lain."

Teguran beliau terhadap prestasi orang Melayu itu cukup ketara pada pertengahan ucapannya apabila menyatakan:

"Jika mereka tidak berjaya setelah diberi peluang berkali-kali, setelah dibantu dengan pelbagai kemudahan dan juga wang, sebabnya ialah (di sini saya pohon ampun dan maaf daripada orang Melayu) kerana mereka tidak rajin iaitu mereka malas dan suka kepada jalan yang mudah dan cepat, tidak kira apa akibatnya."

Selain itu, ujar beliau, orang Melayu tidak sabar malah mereka hendak kaya saat itu juga menyebabkan sanggup menjual lesen, AP dan menjual kontrak untuk mendapatkan wang tunai - selepas itu datang untuk meminta lagi.

"Sesungguhnya saya berasa amat malu menyatakan semua ini terutama di hadapan orang lain, di hadapan seluruh negara, di hadapan dunia," kata beliau.

Sambil meminta orang Melayu belajar sifat-sifat kejayaan orang Cina, Perdana Menteri menyatakan apa yang diperlukan oleh orang Melayu termasuk dalam perniagaan ialah kerajinan, kawalan diri, disiplin dan kesabaran.

Menurut beliau, mungkin para perwakilan bosan dengan teguran dan kecamannya tetapi sebagai pemimpin yang dipilih untuk memimpin juga perlu memperkatakan sesuatu yang benar dan bertujuan baik.

"Tidak ada maknalah jika pemimpin menjadi

pengikut dan membisu apabila melihat pengikut membuat atau menuntut benda yang salah, yang akan merosakkan semua, pemimpin dan pengikut," katanya lagi.

Dr. Mahathir mengaitkan tegurannya itu dengan kelemahan budaya Melayu yang sepatutnya tidak berlaku kerana semuanya beragama Islam - agama yang mampu membina manusia dan masyarakat mulia dan berjaya.

Beliau mengimbas sejarah Islam lampau bagaimana masyarakat Arab Jahiliyah boleh berubah sehingga berjaya hanya kerana mengamalkan budaya dan nilai Islam yang sebenar.

Sedangkan kebelakangan ini, kata Dr. Mahathir, ramai daripada orang Melayu sudah banyak mengenepikan budaya Islam sehingga mengabaikan masalah sosial seperti menagih dadah, mengidap penyakit AIDS dan HIV, merogol, melakukan hubungan seks luar tabii, sumbang mahram dan membunuh termasuk ayah dan ibu.

Malah permasalahan ini melanda orang Melayu ketika orang Melayu jika dilihat dari segi pakaian dan lagak serta percakapan - lebih Islam dan lebih warak berbanding dahulu.

"Budaya dan pegangan kepada nilai hidup yang mulia oleh ramai orang Melayu sudah luntur," jelas Dr. Mahathir.

Dalam hubungan ini, Presiden UMNO menarik perhatian perwakilan bahawa beliau telah berusaha sedaya upaya dan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan prestasi bangsa Melayu - terdapat sedikit kejayaan menurut pandangan orang.

"Tetapi yang lebih saya rasai ialah kekecewaan-kekecewaan kerana sedikit sangat hasil yang saya dapati daripada tugas saya yang utama

- tugas untuk menjadikan bangsa saya bangsa yang maju, bangsa yang dihormati, bangsa yang bermaruah tinggi, bangsa yang mulia."

Sambil sekali lagi memohon maaf atas kegagalannya, Perdana Menteri berkata, beliau berdoa supaya di kalangan orang Melayu akan muncul pemimpin yang lebih mampu menukar sifat-sifat tertentu yang ada pada orang Melayu dan bumiputera lain supaya mereka akan memiliki budaya yang lebih sesuai dengan kejayaan.

Dari segi pertubuhan yang mampu melakukan perubahan ini, beliau berkata, UMNOlah merupakan parti yang sesuai dan mampu menukar budaya Melayu.

Katanya, UMNO telah berjaya menyatupadukan orang Melayu dan mengikis sifat rendah diri mereka sehingga mereka berani bangun untuk menghadapi penjajah dan menuntut hak mereka.

Tetapi menurut Presiden UMNO itu, amat malang sekali kejayaan yang sedikit ini telah merosakkan, atau *undermine* pemikiran orang Melayu sehingga mereka anggap mereka sudah selamat dan boleh membuat apa sahaja.

"Hari ini, semangat kebangsaan mereka sudah luntur dan kemampuan mereka menghadapi cabaran sudah menurun. Kalau hari ini mereka dijajah kemampuan mereka untuk melawan penjajah tidak boleh dijamin," kata beliau.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, walaupun beliau tidak berpuas hati berkenaan berbagai-bagai perkara yang dinyatakannya dalam ucapan tersebut, tetapi mengakui bahawa negara telah mencapai banyak juga kemajuan terutama dalam ekonomi, peningkatan taraf hidup dan mengurangkan kemiskinan.